

# Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Faham Qadiani berbahaya kepada agama Islam, agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu

## Sheikh Mahmoud Shaltut mengkafirkan Qadiani

Rapat umum umat Islam Pontian Johor, yang telah diadakan pada bulan yang lalu di padang besar kerajaan dengan dihadiri oleh kira-kira sepuluh ribu orang telah mengambil keputusan dengan sebulat suara seperti

berikut:

**1) Bahawa rapat umum ini menyokong penuh akan keputusan rapat umum Johor Bahru, bahawa iktikad atau fahaman Qadiani adalah terkeluar daripada iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bertentangan dengan dasar Islam, dan orang-orang yang menganut iktikad Qadiani itu jadilah ia murtad.**

**2) Bahawa rapat umum ini bersetuju menuntut kerajaan Johor menyekat risalah-risalah dan siaran-siaran Qadian daripada disebarkan di negeri Johor.**

**3) Bahawa rapat umum ini memandang faham Qadiani itu ialah satu fahaman yang lebih berbahaya daripada fahaman Komunis dan mengkhianati agama Islam, agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu serta membawa kepada perpecahan dan huru-hara.**

**4) Bahawa rapat umum ini meminta sekalian umat Islam menjauhkan diri daripada iktikad Qadiani yang sesat dan terkeluar dari agama Islam.**

Orang ramai, dengan sebulat suara, telah menjawab:

“Bersetuju” tatkala Tuan Mohamed Yaacob, ahli

Mesyuarat Negeri Johor membaca ketetapan tersebut.

Rapat umum yang bersejarah itu telah diadakan oleh

UMNO bahagian Pontian, dengan dihadiri oleh Yang Berhormat

### BUKU2 RUMI

*Pendidikan	...	...	...	\$1.20
*Akhlak	...	...	...	1.20
*Surat Menyurat	...	...	...	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	...	...	...	1.50
Penglipor	...	...	...	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil	...	...	...	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	...	...	...	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	...	...	...	2.00
Keris Sempena Riau	...	...	...	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	...	...	...	1.50
Sisa Neraka Dunia	...	...	...	1.00

Buku A.BC. (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak).

\*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.

### QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,  
SINGAPORE 14.



*Suatu pemandangan di rumah Tengku ketika meraikan Faḍīlah al-Shaykh Mahmoud Shaltut. Dalam gambar kelihatan dif yang kehormat itu bersama-sama dengan Tengku, dan di sebelah belakang kelihatan Tuan Syed Jaafar Albar Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, dan Wan Abdul Kadir Ismail Pegawai Penerangan UMNO Malaya.*

Encik Abdullah Pegawai Daerah, Datuk-Datuk, Ahli-ahli Mesyuarat Negeri dan kaum Muslimin dan Muslimat dari seluruh daerah Pontian.

Empat orang pensyarah dari Johor dan Singapura telah mengupas iktikad Qadiani dan membuktikan bahawa penganut mazhab Qadiani itu kafir murtad!

Pensyarah-pensyarah itu ialah Dato' Dr. Haji Abdul Jalil Hassan – Naib Mufti Kerajaan Johor, Ustaz Daud Ali, Ustaz Ahmad Dahlan dan Tuan Sheikh Abdullah Basmeh.

#### **Fatwa Sheikh Mahmoud Shaltut**

Setelah menerangkan riwayat Mirza Ghulam Ahmad dajal

pendusta yang dinabikan oleh kaum Qadiani, Dato' Haji

Abdul Jalil Hassan telah menyatakan kepada hadirin bahawa

beliau dalam pertemuannya dengan *Shaykh al-Azhar*, Sheikh Mahmoud

Shaltut di Raffles Hotel Singapura baharu-baharu ini,

saya telah bertanyakan kepada beliau tentang pendapatnya mengenai

mazhab Qadiani. Sheikh Mahmoud Shaltut menjawab:

*Mazhab Qadiani terkeluar dari agama Islam dan*

*pengikut-pengikutnya kafir murtad!*

“*Faḍīlah al-Shaykh Mahmoud Shaltut meminta*”, kata

Dato' Abdul Jalil lagi “supaya alim ulama di sini

menentang habis-habisan faham Qadiani itu sehingga dapat

dilenyapkan dari negara Islam Tanah Melayu”.